

Headline **Kolej ShahPutra perkenal lapan kursus baru**  
Date **26. Mar 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Berita Harian** Page No **23**  
Section **Pendidikan** Article Size **196** cm2  
Circulation **217920** Frequency **Daily**  
Readership **2083000** Color **Full Color**



## Kolej ShahPutra perkenal lapan kursus baru

**K**OLEJ ShahPutra memperkenalkan lapan program baru peringkat diploma dan ijazah yang dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), tahun ini.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Dr Azman Zaini Abdul Ghanie, berkata daripada jumlah itu empat program dengan kerjasama UiTM iaitu Diploma Komunikasi dan Media, Diploma Sains, Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Seni Reka Perindustrian) serta Diploma Kejururawatan.

Katanya, tiga lagi diploma bersama UTM iaitu Diploma Seni Bina, Diploma Pengurusan Harta Tanah dan Diploma Ukur Bahan, manakala satu peringkat ijazah pertama dengan UPM.

Sambil mempelawa lulusan Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan lapan diploma merebut peluang itu, beliau menjelaskan kira-kira 4,500 tempat untuk mengikuti keselu-

han 15 program peringkat diploma dan ijazah ditawarkan kolej berkenaan tahun ini.

"Program diploma ini terbuka kepada lulusan SPM dengan kelayakan minimum lima kredit termasuk Bahasa Melayu kecuali Diploma Ukur Bahan UTM yang mensyaratkan kelulusan tiga kredit termasuk Bahasa Melayu.

"Satu-satunya program ijazah pertama ialah Bachelor Pengurusan Perniagaan UPM. Untuk mengikutinya, calon perlu memiliki diploma atau kelayakan setaraf, selain lulus SPM dengan kepujian Bahasa Melayu, lulus Matematik dan Bahasa Inggeris serta Malaysian University English Test.

"Bagi lepasan STPM, mestilah lulus gred C bagi Pengajian Am dan sekurang-kurangnya C dalam Matematik/Ekonomi/Geografi/Perakanaan/Pengajian Perniagaan," katanya ketika dihubungi semalam.

Azman Zaini berkata, penawaran diploma dan ijazah itu membuktikan keupayaan Kolej ShahPutra menawarkan program pengajian setanding universiti terbabit termasuk dari segi kurikulum, soalan dan peperiksaan akhir, tugasan dan pemeriksaan serta pemarkahan.

Program ditawarkan Kolej ShahPutra kini, katanya, ialah empat diploma UiTM dalam bidang Pengurusan Pelancongan, Seni Lukis dan Seni Reka (Fesyen), Pengurusan Teknologi Pejabat dan Pengajian Sukan.

"Dua program UPM iaitu Diploma Pengurusan Perniagaan dan Diploma Sains Komputer serta satu diploma UTM, Diploma Sains Komputer (Multimedia)," katanya.

Katanya, permohonan bagi kemasukan April hingga Julai bagi semua program kini dibuka kepada calon berkelayakan. Maklumat lanjut, layari laman web: [www.kolejshahputra.edu.my](http://www.kolejshahputra.edu.my) atau hubungi 09-573 7777.

*Pelajar ShahPutra  
berpeluang  
mendapat  
pembayaran  
pendidikan yang  
diuruskan kolej  
dengan Perbadanan  
Tabung Pendidikan  
Tinggi Nasional,  
Mara dan  
yayasan negeri"*

**Dr Azman Zaini**  
Pengerusi Eksekutif Kolej ShahPutra